

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penggunaan sistem *Artificial Intelligence* (AI) bagi tujuan membantu menetapkan kadar hukuman bagi kes-kes jenayah seperti yang dimulakan di Mahkamah di Sabah. Sejauh manakah Majistret ataupun hakim terikat terhadap kadar hukuman yang dicadangkan, dan sama ada sistem AI ini mampu memberikan cadangan untuk binding over.

**JAWAPAN [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejajar dengan perkembangan teknologi *Artificial Intelligence* (AI), Badan Kehakiman Malaysia menerusi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) komited untuk menggerakkan agenda pemakaian teknologi AI dalam beberapa aspek sistem kehakiman. Sebagai permulaannya, Pejabat Hakim Besar Sabah dan Sarawak telah membangunkan garis panduan penghukuman bagi

kes-kes jenayah di Mahkamah Sesyen dan Majistret menggunakan teknologi AI dan *machine learning*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, garis panduan penghukuman menggunakan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) yang telah diperkenalkan di Sabah dan Sarawak adalah suatu kaedah yang diperkenalkan oleh Badan kehakiman bagi membantu Hakim Sesyen dan Majistret untuk mengatasi dua permasalahan utama dalam penghukuman iaitu:

- (a) ketidaksamaan hukuman (wujudnya jurang perbezaan ketara antara satu hukuman yang diputuskan oleh seorang Hakim Sesyen/Majistret dengan Hakim Sesyen/Majistret yang lain bagi kesalahan yang sama); dan
- (b) kadar hukuman yang tidak setimpal berbanding kesalahan yang dilakukan (*Proportionate Sentence*) (hukuman yang dijatuhkan tidak seimbang atau setara dengan graviti kesalahan yang dilakukan). [Lihat PP v Muhari bin Mohd Jani & anor [1966] 3 MLJ 116].

Secara khususnya, garis panduan penghukuman adalah fokus kepada perkara yang berikut:

- (a) untuk mengurangkan jurang perbezaan hukuman yang dijatuhkan oleh sesuatu mahkamah;
- (b) untuk memastikan hukuman yang dijatuhkan adalah adil dan memadai (just dan adequate). Ini kerana setiap keputusan yang dibuat oleh seseorang Hakim Sesyen/Majistret adalah berdasarkan pengiraan kebarangkalian oleh AI berpandukan faktor-faktor yang berkaitan tanpa dipengaruhi oleh tekanan luar; dan

- (c) untuk memastikan hukuman yang dijatuhkan adalah mematuhi prinsip penghukuman.

Di samping itu, pemakaian AI dalam garis panduan ini adalah nilai tambah yang akan memastikan garis panduan yang digunakan pakai dalam penghukuman telah mengambil kira kelaziman hukuman yang dilaksanakan oleh Hakim Sesyen/Majistret secara majoriti dalam sesuatu kes menerusi data-data sedia ada. Ini kerana pembangunan sistem ini secara langsung akan mewujudkan bank data berkaitan jenis-jenis hukuman bagi kesalahan yang sama sebagai rujukan pantas (*quick reference*) seorang Hakim Sesyen/Majistret yang ditempatkan di seluruh Malaysia.

Pemakaian AI dalam garis panduan tidak akan mengambil alih peranan Hakim Sesyen/Majistret dalam membuat keputusan. Ini seiring dengan prinsip asas penghukuman yang melibatkan budi bicara kehakiman hakim atau Majistret sebagaimana yang telah diputuskan menerusi banyak kes Mahkamah.

Secara umumnya, undang-undang memberikan kuasa kepada Hakim Sesyen/Majistret untuk menjatuhkan hukuman kepada OKT melalui seksyen 183 Kanun Tatacara Jenayah: “ *If the accused is convicted, the Court shall pass sentence according to law*”. Selain itu, hukuman yang dijatuhkan oleh seseorang Hakim Sesyen/Majistret haruslah berpandukan fakta setiap kes dan berbeza dari satu kes ke satu kes yang lain. Dalam membuat keputusan, selain meneliti fakta kes dan faktor-faktor lain di sekelilingnya, seseorang Hakim Sesyen/Majistret akan membuat rujukan kepada kes-kes terdahulu yang pernah diputuskan oleh mahkamah yang sama ataupun mahkamah yang lebih tinggi.

Sehubungan itu, pembangunan sistem AI ini adalah berfungsi sebagai *quick reference* dan pemudah cara yang mengumpulkan semua data terkini mengenai kes bagi suatu kesalahan yang pernah didengar oleh mahkamah dan tren hukuman yang dikenakan. Rujukan kepada cadangan keputusan/penghukuman oleh AI bukanlah suatu yang

NO. SOALAN : 36

muktamad yang perlu diikuti oleh seorang Hakim Sesyen/Majistret. Seorang Hakim Sesyen/Majistret hanya merujuk kepada AI bagi mendapatkan tren hukuman bagi kes dan fakta kes yang lebih kurang sama yang pernah diputuskan di mahkamah sebelum ini.

Oleh itu, teknologi AI ini tidak akan mengambil alih kuasa sedia ada Hakim Sesyen/Majistret untuk membuat keputusan. Mahkamah boleh untuk memilih tidak mengikuti cadangan AI dalam membuat keputusan dengan mengambil kira fakta kes dan faktor-faktor lain disekelilingnya. Teknologi AI yang digunakan pada masa ini di Sabah dan Sarawak tidak diprogramkan untuk memberikan cadangan perintah 'binding over'. Cadangan hukuman setakat ini adalah terhad kepada hukuman denda, penjara dan sebat.

Sekian, terima kasih.